

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, August 18, 2015 2:07 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 112 Pegawai Kadet PALAPES Ditauliahkan Sebagai Pegawai Muda Dalam Pasukan Simpanan Angkatan Tentera Malaysia



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

18 OGOS 2015 / 3 ZULKAEDAH 1436H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

112 PEGAWAI KADET PALAPES DITAULIAHKAN SEBAGAI PEGAWAI MUDA DALAM PASUKAN SIMPANAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA



UUM ONLINE: 18 Ogos - Seramai 112 pegawai kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Utara Malaysia (UUM) telah ditauliahkan sebagai Pegawai Muda dalam pasukan simpanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada Istiadat Pentauliah Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam Ke-34 di padang kawad Universiti Putra Malaysia, baru-baru ini.

Kesemua pegawai kadet yang menyandang pangkat Leftenan Muda itu melibatkan 54 Pegawai Kadet Darat, 36 Pegawai Kadet Udara dan 22 Pegawai Kadet Laut.

Istiadat tersebut disempurnakan oleh Sultan Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

Pada istiadat itu, seramai 1620 pegawai kadet PALAPES membabitkan 18 buah universiti termasuk Akademi Laut Malaysia (Alam) telah ditauliahkan.

Latihan Pentauliah telah bermula pada 1 hingga 16 Ogos lalu dengan turut melibatkan 29 jurulatih PALAPES UUM, 41 pegawai kadet pembantu, 14 pegawai muda pelajar dan lima pegawai sukarela staf.

Terdahulu, Naib Canselor UUM, Prof. Dato' Wira Dr. Mohamed Mustafa Ishak telah mengadakan perjumpaan bersama pegawai-pegawai kadet tersebut dan memberi amanat serta kata-kata semangat supaya mereka menunjukkan mutu perbarisan yang terbaik pada istiadat itu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Abdul Malek Abdul Karim yang turut menyaksikan Istiadat Perbarisan Diraja dan Istiadat Pengurniaan Watikah Tauliah.

=====

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3040/3048/3049/3052

FAKS: 04-928 3053

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my

FACEBOOK: Universiti Utara Malaysia (Official FB)

